

***DELCROZE EURHYTHMICS* DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
PENDIDIKAN MUZIK TAHAP SATU
SEKOLAH RENDAH**

oleh

ZAHARAH MAT ALI

**Tesis diserahkan untuk memenuhi
Keperluan bagi Ijazah Sarjana Pendidikan**

Julai 2003

PENGHARGAAN

ALHAMDULILLAH, setinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T atas hidayah petunjuk serta limpah kurniaNya membolehkan kajian ini diselesaikan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Salmah Ayob selaku penyelia yang banyak memberi bimbingan, nasihat, dorongan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Kerenah dan kesulitan yang dihadapi semasa memberi bimbingan, hanya kemaafanlah dipinta

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada rakan-rakan yang telah memberi semangat dan sokongan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada guru-guru muzik di Negeri Perak yang telah sudi menjadi responden kajian dan juga penyelia muzik Negeri Perak yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Semoga usaha kecil ini diberkati Allah, Wassalam.

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat.

PENGHARGAAN

JADUAL KANDUNGAN.....	ii
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
ABSTRAK (BAHASA MALAYSIA).....	xiii
ABSTRACT(BAHASA INGGERIS).....	xiv

BAB I: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang	1
1.2 Pernyataan Masalah	9
1.3 Tujuan Kajian.....	16
1.4 Persoalan Kajian.....	16
1.5 Kepentingan Kajian	17
1.6 Limitasi Kajian.....	18
1.7 Definisi Operasional.....	19

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan.....	22
2.2	Kepentingan muzik dalam pendidikan.....	22
2.2.1	Pendidikan Muzik.....	29
2.3	Muzik dengan Pergerakan.....	30
2.3.1	Kepentingan pergerakan.....	31
2.3.2	Kaitan muzik dengan pergerakan.....	32
2.3.3	Muzik dengan pergerakan dalam pendidikan muzik(KBSR).....	38
2.4	Pendekatan Pengajaran Muzik dalam Pendidikan.....	40
2.4.1	Pendekatan muzik semasa yang utama.....	44
2.4.1.1	Pendekatan Kodaly.....	45
2.4.1.2	Pendekatan Orff.....	47
2.4.1.3	Pendekatan Dalcroze.....	49
2.4.1.4	Kaedah Suzuki.....	50
2.4.1.5	Pendekatan Muzik Manhattanville.....	51
2.5	Pendekatan <i>Dalcroze Eurhythmics</i>	53

2.6 Teori-teori yang berkaitan dengan Pendekatan

<i>Dalcroze Eurhythmics</i>	67
2.6.1 Teori perkembangan kanak-kanak Piaget.....	69
2.6.2 Teori Pelbagai kecerdasan.....	72
2.6.3 Teori Pembelajaran.....	76
2.6.3.1 Teori pembelajaran Bloom.....	77
2.6.3.2 Teori pengajaran pembelajaran Bruner....	78
2.7 Kerangka Teori.....	79
2.7.1 Teori Dalcroze.....	80
2.7.2 Teori Perkembangan Kanak-Kanak Piaget.....	82
2.7.3 Teori Pelbagai Kecerdasan.....	84
2.7.4 Teori Pembelajaran.....	84
2.7.5 Kerangka Teori Kajian.....	86
2.7.6 Rumusan Soratan Literatur.....	88

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan.....	90
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	90
3.3 Sampel Kajian.....	91

3.4	Tempat Kajian.....	92
3.5	Instrumen Kajian.....	92
3.5.1	Alat ukur Masa Pembelajaran <i>Dalcroze</i>	
	<i>Eurhythmics</i> - Pendidikan Muzik.....	93
3.5.1.1	Kaedah mentadbir Alat Ukur Masa	
	Pembelajaran Dalcroze Eurhythmics	
	dalam Pendidikan Muzik.....	100
3.5.2	Soal selidik	101
3.5.3	Rakaman Video.....	106
3.5.4	Temu Bual	107
3.5.5	Teknik Delphi.....	107
3.6	Kajian Rintis	101
3.7	Prosedur Kajian.....	106
3.7.1	Pemerhatian.....	110
	3.7.1.1 Lembaran Jeda Berkod.....	111
3.7.2	Rakaman video.....	112
3.7.3	Temubual.....	112
3.8	Pengumpulan Data.....	112
3.9	Pemprosesan dan Penganalisisan.....	115

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan.....	116
4.2	Masa pembelajaran Eurhythmics dalam pengajaran muzik melalui pemerhatian bersistematik.....	116
4.2.1	Peratusan aktiviti kaedah Dalcroze Eurhythmics yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik.....	117
4.3	Penggunaan masa yang digunakan bagi menjalankan aktiviti Dalcroze Eurhythmics.....	127
4.4	Persepsi pendidik muzik terhadap kaedah pengajaran muzik dengan gerakan (pendekatan Dalcroze Eurhythmics).....	129
4.4.1	Pengetahuan tentang Pendekatan <i>Dalcroze</i> <i>Eurhythmics</i> yang meliputi <i>Eurhythmics</i> , <i>Solfege</i> dan Improvisasi.....	135
4.4.2	Pendapat dan pandangan pendidik muzik tentang muzik dengan gerakan.....	144

4.5	Temu Bual	147
4.6	Kesimpulan	154

BAB 5 : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan.....	157
5.2	Perbincangan dan Rumusan Dapatan kajian.....	157
5.2.1	Pengaplikasikan komponen-komponen kaedah <i>Dalcroze Eurhythmics</i> dalam pengajaran “muzik dengan gerakan”.....	157
5.2.1.1	Eurhythmics.....	158
5.2.1.1.1	Solfège.....	163
5.2.1.1.2	Improvisasi.....	166
5.3	Persepsi pendidik muzik terhadap kaedah pengajaran muzik dengan gerakan (pendekatan <i>Dalcroze</i> <i>Eurhythmics</i>).....	172
5.4	Cadangan.....	179
5.4.1	Cadangan kepada pengkaji akan datang.....	179
5.4.2	Cadangan kepada organisasi kajian.....	179
5.5	Penutup.....	181
	BIBLIOGRAFI.....	183

LAMPIRAN

Lampiran A : Alat Ukur Masa Pembelajaran *Eurhythmics* dalam
Pendidikan Muzik (MPE – PM)

Lampiran B 1 : Soal selidik

Lampiran B 2 : Soalan Temu bual

Lampiran C: Contoh Rancangan Pengajaran “Muzik dengan Gerakan”

Lampiran D: Surat-surat kebenaran menjalankan kajian.

SENARAI JADUAL

JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 1 Bidang dalam sukatan pendidikan muzik tahun 1983	11
Jadual 2 Bidang dalam sukatan pendidikan muzik tahun 1995	11
Jadual 3 Komponen <i>Dalcroze Eurhythmics</i> dalam bidang muzik dengan gerakan.	12
Jadual 4 Kriteria-kriteria aras kandungan am, isi kandungan pengajaran dan isi kandungan aktiviti.	95
Jadual 5 Kod-kod bagi Kriteria-kriteria pemerhatian	97
Jadual 6 Kriteria-kriteria penglibatan pelajar dalam aktiviti <i>Eurhythmics</i> , <i>Solfège</i> dan Improvisasi.	98
Jadual 7 Dapatan Ujian Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian.	109
Jadual 8 Peratus aktiviti <i>Eurhythmics</i> yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran "muzik dengan gerakan" tahap 1.	117
Jadual 9 Perincian pelaksanaan aktiviti <i>eurhythmics</i> .	118
Jadual 10 Peratus aktiviti <i>solfege</i> yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran muzik dengan gerakan tahap 1.	120
Jadual 11 Perincian pelaksanaan aktiviti <i>solfege</i>	121

Jadual 12	Peratus aktiviti improvisasi yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran muzik dengan gerakan tahap 1.	122
Jadual 13	Perincian pelaksanaan aktiviti Improvisasi	123
Jadual 14	Taburan kekerapan, Peratusan tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran muzik dengan gerakan.	130
Jadual 15	Taburan kekerapan, Peratusan dan pemeringkatan pengetahuan guru muzik tentang <i>Eurhythmics</i> .	136
Jadual 16	Taburan kekerapan peratusan pemeringkatan pengetahuan guru muzik tentang <i>Solfège</i> .	138
Jadual 17	Taburan kekerapan dan peratusan pemeringkatan pengetahuan pendidik muzik tentang improvisasi.	141
Jadual 18	Taburan kekerapan, peratusan, pendapat pendidik muzik tentang muzik dan gerakan.	144

SENARAI RAJAH

RAJAH	MUKA SURAT
1	Komponen-komponen dalam kaedah Kodaly (Lois Choksy, The Kodaly Context -Englewood Cliffs,1981) 47
2	Empat jenis bunyi yang dinyatakan oleh badan, dalam Orff "Wilhelm Keller, Introduction to music for Children (New York: Schott,1974)" 48
3	Lapan Pelbagai Kecerdasan (Gardner, 1983) 73
4	Kepentingan kemahiran pendegaran dalam Teori Dalcroze 81
5	Teori Perkembangan kanak-kanak Piaget dapat membantu pembentukan kurikulum pendidikan muzik. 83
6	Teori Pembelajaran -.Bloom dan kaitannya dengan Pendekatan Dalcroze. 85
7	Kaedah Dalcroze merangkumi aspek-aspek, penggunaan anggota badan , deria, sensori motor dan mental. 86
8	Kerangka Teori Kajian 88
9	Gambaran keseluruhan rekabentuk kajian. 91
10	Triangulasi Pemerhatian, Soalselidik dan Temubual 114
11	Peratus aktiviti kaedah <i>Dalcroze Eurhythmics</i> bagi ketiga-tiga komponen dalam pengajaran muzik dengan gerakan. 124
12	Sebahagian dari pelaksanaan ketiga-tiga komponen aktiviti <i>Dalcroze Eurhythmics</i> iaitu <i>eurhythmics</i> (E), <i>solfege</i> (S) dan Improvisasi (I). 125
13	Carta bar masa pengajaran bagi tiap-tiap komponen aktiviti <i>Dalcroze Eurhythmics</i> . 127

SENARAI SINGKATAN

- ALT-PE** - “Academic Learning Time- Physical Education”
- KBSR** - Kurikulum Baru Sekolah Rendah
- KPM** - Kementerian Pendidikan Malaysia
- MPA** - Masa Pembelajaran Akademik
- MPE-PM** - Masa Pembelajaran *Eurhythmics*-Pendidikan Muzik
- SPSS** - “Statistical Package for Social Sciences”

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi melihat sama ada terdapat komponen *Dalcroze Eurhythmics* digunakan dalam pengajaran “muzik dan gerakan” di tahap satu sekolah rendah. Selain itu, kajian ini juga ingin mengetahui tentang persepsi pendidik muzik terhadap pengajaran “muzik dengan gerakan” melalui pendekatan *Dalcroze Eurhythmics*. Tiga puluh orang pendidik muzik dari 30 buah sekolah di seluruh negeri Perak terlibat dalam kajian ini. Tiga kaedah pungutan data telah digunakan, iaitu: pemerhatian bersistematik, temubual dan soal selidik. Pemerhatian Masa Pembelajaran *Eurhythmics* – Pendidikan Muzik (MPE-PM) dibuat berdasarkan Format Masa Pembelajaran-Pendidikan Jasmani (MPA-PJ) yang diubahsuai daripada Siedentop, Tousignant dan Parker (1982). Keputusan kajian ini mendapati bahawa kaedah *Dalcroze Eurhythmics* ada diaplikasikan ke dalam pengajaran “muzik dan gerakan” tetapi tidak menyeluruh. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 75.5% komponen *Eurhythmics*, 17.9% komponen *solfege*, dan 22.4% komponen improvisasi telah dilaksanakan dalam pengajaran “muzik dan gerakan”. Didapati juga Pendidik muzik suka mengajar “muzik dan gerakan” kerana mereka sedar tentang kepentingan muzik terhadap perkembangan kanak-kanak. Pendidik muzik juga berpendapat bahawa muzik dapat membantu pelajar dalam perkembangan psikomotor, nilai sosial dan kecerdasan mental.

ABSTRACT

Dalcroze Eurhythmics in Teaching and Learning of Music Education in

Level One Primary School

This study is conducted to discover if aspects of Dalcroze Eurhythmics are applied in the teaching of “music and movement” in level one primary school. In additions, it seeks to examine music teachers’ perceptions toward music and movements through Dalcroze Eurhythmics approach. Thirty music teachers from thirty schools in the state of Perak participated in this study. The study employed three methods of data gathering: systematic observations, questionnaire, and interview. The Academic Eurhythmics Learning Time – Music Education was observed by using a format adapted from Academic Learning Time in Physical Education (ALT-PE) designed by Siedentop, Tousignant and Parker (1982). This study reveals that the Dalcroze Eurhythmics approach is applied in the teaching of “music and movement”, but not fully. The findings shows 75.5% of the eurhythmics, 17.9% of the solfege, and 22.4% of the improvisation components are present in the teaching of “music and movement”. Music educators enjoy teaching “music and movement” because they realize the importance of music education to the growth and development of children. Music educators also believe that music could help students in psychomotor, social value and intellectual aptitude development.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Mata pelajaran muzik merupakan satu fenomena yang baru muncul sejak tahun 1983. Pada tahun 1979, Jawatankuasa Kabinet telah mengambil keputusan untuk menjadikan mata pelajaran muzik sebagai satu mata pelajaran wajib di sekolah - sekolah rendah di Malaysia. Muzik telah diajar di beberapa buah sekolah di Malaysia semenjak tahun 1957 lagi tetapi tidak diwajibkan. Muzik diajar dalam jangka masa 30-40 minit seminggu dan biasanya pada waktu akhir dalam jadual waktu iaitu pada hari kelima dalam minggu persekolahan. Tujuannya adalah memberi kesenangan dan keseronokan kepada murid setelah lima hari menumpu kepada pelajaran yang bercorak akademik. Tidak ada sukatan pelajaran muzik yang digunakan. Guru hanya menyediakan seberapa banyak lagu yang boleh seperti lagu kanak-kanak, patriotik, lagu rakyat dan komtemporari pop. Pelajaran nyanyian biasanya dijalankan di luar bilik darjah, di bawah pokok-pokok berhampiran dengan bangunan sekolah (Goon Hong Tan, 1986).

Pendidikan muzik mula diwajibkan dalam tahun 1983 dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Pusat Perkembangan Kurikulum telah ditugaskan untuk merancang satu sukatan pelajaran muzik bagi tahap satu iaitu Tahun I hingga Tahun III. Sukatan pelajaran muzik digubalkan berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan dan teori-teori serta program-program muzik yang telah dilaksanakan di luar

negara. Mata pelajaran muzik Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diuji pada tahun 1982 di beberapa sekolah yang terpilih dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1983. Pendidikan Muzik Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ini dilaksanakan mengikut satu format yang dibekalkan dengan kaset-kaset lagu dan buku panduan khas. Program ini tidak memerlukan kepakaran. Program seperti ini dinamakan *canned music* di Amerika kerana program jenis ini diumpamakan sebagai makanan dalam tin yang tidak memerlukan kepakaran untuk memasaknya serta boleh dihidang terus (Johami Abdullah, 1993).

Program muzik di sekolah dikatakan untuk memperkembangkan minat murid dalam muzik di samping memperkukuhkan kemahiran asas 3M iaitu menulis, membaca dan mengira. Rancangan muzik KBSR membolehkan murid menikmati kegiatan-kegiatan muzik dan akhirnya membolehkan mereka meminati, mencintai dan menghargai muzik, lagu dan tarian yang mencerminkan warisan kebudayaan kebangsaan (Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah, Muzik, KPM, 1983).

Objektif khusus program muzik bagi sekolah rendah membolehkan murid-murid mengambil bahagian dengan cergas dalam kegiatan nyanyian, gerakan dan kumpulan instrumental. Murid-murid juga dapat melahirkan perasaan masing-masing melalui kegiatan muzik. Mereka dapat mematangkan deria dengar, lihat dan rasa melalui muzik. Di samping mengenal beraneka irama dan melodi yang senang, murid-murid juga dapat mengenal dan membaca not, lambang dan tanda serta

makna istilah muzik yang asas. Mereka seterusnya dapat mencipta irama dan melodi yang selaras dengan kemampuan mereka. Kurikulum baru program muzik sekolah rendah Tahap I meliputi kegiatan-kegiatan seperti nyanyian, "muzik dengan gerakan" dan permainan alat perkusi. Unsur-unsur muzik seperti tempo, irama, melodi, harmoni, dinamik dan struktur didedahkan melalui nyanyian, permainan dan cara-cara lain yang tidak formal (Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah, Muzik, KPM, 1983).

Pada tahun 1983 Kementerian Pendidikan telah menyiapkan kandungan program muzik KBSR Tahap II iaitu Tahun 4, 5 dan 6. Program ini telah dilaksanakan dengan sepenuhnya pada tahun 1986. Program ini meliputi kegiatan-kegiatan seperti nyanyian, teori, genderang dan rekoder. Selama sepuluh tahun program pendidikan muzik KBSR dijalankan, banyak terdapat kelemahan dan kekurangan. Berasaskan kepada laporan Jemaah Nazir Persekutuan (1993/94), status pelaksanaan Pendidikan muzik KBSR adalah pada tahap sederhana dan masih belum sampai kepada tahap ekspektasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu pendidikan muzik mula diberi tumpuan. Berikutan dengan beberapa laporan dan kajian, maka sukatan muzik KBSR telah dikemaskinikan.

Pada tahun 1995 satu sukatan baru telah dikeluarkan. Unsur-unsur muzik seperti irama, melodi, harmoni, bentuk masih diambil kira dan ditambah lagi dengan ekspresi, warna ton dan jalinan. Kandungan kurikulum bagi Tahap I dan II disusun dalam tiga bidang iaitu bidang

nyanyian, “muzik dengan gerakan” dan permainan alat muzik.

Kegiatan-kegiatan muzik diajar berdasarkan teori dan kaedah *Kodaly*, *Orff* dan *Dalcroze*. Kaedah *Kodaly* diaplikasikan dalam bidang nyanyian, bidang muzik dengan pergerakan berasaskan kaedah *Dalcroze* dan Kaedah *Orff* pula digunakan untuk memahirkan bidang permainan alat muzik terutama permainan alat perkusi.

Mengikut Sukatan Pendidikan Muzik 1995, bidang teori muzik tidak ditawarkan dalam pembelajaran muzik tahap II. Bidang teori muzik hanya diselitkan dalam pengajaran permainan alat. Muzik dengan gerakan yang sebelum ini terdapat dalam tahap I dimasukkan ke dalam sukatan tahap II. Ini menunjukkan bidang muzik dan gerakan sangat diperlukan sepanjang pengajaran muzik di sekolah rendah dari tahun satu hingga ke tahun enam.

Berdasarkan isu ini penyelidikan hanya ditumpukan kepada bidang “muzik dengan gerakan”. Melalui pergerakan, kanak-kanak lebih aktif, kreatif dan ekspresif untuk meluahkan hasrat dan perasaan (Salmah Ayob, 1994). Dengan ini bidang muzik dengan pergerakan mempunyai peranan tertentu bagi perkembangan diri murid dari aspek perasaan, pemikiran dan imaginasi melalui pendengaran, kreativiti, penajaman daya diskriminasi dan pergerakan fizikal. Melalui muzik kanak-kanak bergerak, menggunakan tubuh badan sebagai alat untuk memberi ekspresi perasaan dan pemahaman terhadap muzik seperti irama, maksud, melodi dan sebagainya. Muzik dengan pergerakan memberi penekanan kepada kegiatan yang membolehkan murid merasa,

mengecam, mengajuk, meneroka dan menghasilkan pelbagai muzik.

“Muzik dengan gerakan” juga merupakan bidang yang asas bagi menguasai kemahiran nyanyian dan permainan alat. Ia juga memberi peluang kepada murid menggunakan tubuh badan sebagai aliran atau media membuat respon terhadap muzik (Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah, Pendidikan Muzik, KPM, 1995).

Dalam sukatan pendidikan muzik 1995, terdapat lima jenis pergerakan dalam muzik yang disusun mengikut perkembangan dari pergerakan yang mudah kepada yang kompleks. Kegiatan pergerakan ini adalah seperti gerakan mengikut lirik lagu, gerakan asas dengan muzik, interpretasi muzik dengan gerakan, gerakan bebas dengan muzik dan gerakan yang menunjukkan cerita atau tema dengan muzik (Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah, Pendidikan Muzik, KPM, 1995). Berdasarkan teori *Emile Jaques-Dalcroze* dalam pendekatannya *Dalcroze Eurhythmics*, pergerakan dalam pendidikan muzik adalah untuk memperkukuhkan pengetahuan dalam konsep dan elemen-elemen muzik melalui proses-proses penerokaan, eksperimentasi, penemuan terpimpin, penyelesaian masalah, improvisasi serta penilaian (Choksy, Abramson, Gillespie, & Wood, 1986).

Di negara-negara Barat, pengajaran pergerakan mengikut kaedah *Dalcroze Eurhythmics* dilaksanakan secara meluas kepada kanak-kanak prasekolah, pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, mahasiswa-mahasiswi dan orang dewasa. Seterusnya hasil kajian *Emile Jaques-Dalcroze* melalui eksperimentasi dalam pengajaran

pembelajaran muzik telah membawa kepada kesan yang positif (Dalcroze, 1967). Didapati tahap pembelajaran yang berkait dengan elemen-elemen muzik meningkat dan bertambah baik melalui gerakan dengan muzik. Pada tahun 1905, Dalcroze telah mengeluarkan beratus latihan dan permainan yang mempunyai kaitan dengan keindahan muzik, kepekaan pendengaran dan improvisasi pergerakan. Dengan memerhatikan tiga perkara ini iaitu muzik, pendengaran dan pergerakan seseorang, ianya dapat menilai kesaksamaan kebolehan individu, pengetahuan, mental dan emosi seseorang pelajar (Choksy, 1981). Guru juga dapat mengendalikan masalah secara kumpulan dan individu melalui aktiviti-aktiviti yang sesuai.

Kaedah Dalcroze ini mula di bawa ke Amerika pada tahun 1913 oleh Placido de Montoliu selepas tamat pengajiannya dengan Emile Jaques-Dalcroze. Kaedah ini menjadi terkenal dan dalam tahun 1928 ditubuhkan America Institute of *Dalcroze Eurythmics* (Carder, 1990). Kemudiannya kaedah ini diajar di sekolah-sekolah, institut dan Universiti di Amerika Syarikat. Kegiatan-kegiatan dalam Pendekatan Dalcroze terdiri daripada tiga komponen iaitu *Eurhythmics*, *Solfège* dan Improvisasi.

Eurhythmics ialah pergerakan yang melibatkan seluruh anggota badan dengan iringan muzik atau tanpa muzik. Badan dijadikan alat bunyian yang mampu mempamerkan interpretasi individu yang melibatkan imaginasi, emosi serta gerakan badan yang bertindak berpandukan rangsangan dalam bentuk bunyi, gerak isyarat (signal),

lisan seperti perkataan, ayat, puisi atau sajak, vokal seperti nyanyian dan juga muzik bunyi-bunyian. Antara perkara penting yang boleh diinterpretasikan ialah lagu yang berasaskan lirik dan unsur/konsep muzik, contohnya: irama, tekanan, detik, sinkopsi, perbezaan pic, kontur melodi, dinamik, tempo, bentuk yang terkandung dalam muzik sedia ada, dan darinya, jika interpretasinya itu disusun secara terurus, ia boleh terhasil sebagai satu bentuk koreografi (Choksy, 1991).

Solfège dalam pendekatan Dalcroze merupakan latihan pendengaran. Pendengaran boleh mempertingkatkan kesedaran pic, perbezaan ton (pic) dan perbezaan kualiti ton. Pendengaran dalaman (*inner hearing*) juga dapat mempertingkatkan daya ingatan. Pendengaran dalaman adalah sebutan atau sebahagian lirik dalam nyanyian yang dinyanyikan di dalam minda. Cantuman *Eurhythmics* atau prinsip irama dengan *Solfège* menjadikan Improvisasi.

Improvisasi merupakan kreativiti dalam pendekatan Dalcroze. Melalui improvisasi pergerakan, kanak-kanak dapat memahami, menganalisis muzik, meluahkan perasaan, memperkembangkan minda dan deria dengar. Improvisasi dalam pendekatan Dalcroze *Eurhythmics* merupakan kreativiti yang dihasilkan dari ciptaan sendiri yang kreatif berdasarkan kepada kegiatan-kegiatan *Eurhythmics* dan *Solfège* yang telah diajar. Aspek ini diperkenalkan sebagai satu cara untuk menentukan sama ada murid dapat memahami apa yang dipelajari serta memberi keyakinan kepada mereka. Improvisasi pada khususnya

dilakukan dengan alat piano dan kesedaran *motor tactile* (melibatkan sentuhan) individu (Choksy, Abramson, Gillespie, & Wood, 1986).

Kaedah *Dalcroze Eurhythmics* ini bukan sahaja diimplementasikan dalam pengajaran muzik tetapi juga dalam mata pelajaran lain seperti Pendidikan Jasmani dan Bahasa Inggeris (Becknell, 1970). Kaedah ini merupakan suatu pergerakan kreatif yang mengambil kira keinginan-keinginan asas kanak-kanak. Salmah Ayob (1994) telah mengenal pasti sembilan keinginan asas kanak-kanak iaitu keinginan untuk bergerak; berjaya dan diperkenankan, keinginan untuk diterima oleh kelompok sebaya dan hidup bermasyarakat, bersaing, memperolehi kecergasan fizikal dan daya penarik, keinginan mengembara, keinginan memperoleh kepuasan kreativiti, keinginan untuk melahirkan perasaan melalui pergerakan berirama dan keinginan untuk mengetahui. Kanak-kanak yang sihat dan cergas berkeinginan sangat untuk bermain-main, berjalan, melompat, berlari-lari, meloncat dan sebagainya. Ciri-ciri yang dikemukakan tadi terserlah dalam pengajaran dan pembelajaran muzik.

Flemming (1976) telah mengemukakan bahawa pergerakan dan kanak-kanak mempunyai ciri-ciri yang sama. Kedua-dua gejala ini tidak boleh dipisahkan. Ciri-ciri pendekatan Dalcroze juga terkandung dalam teori Pelbagai Kecerdasan yang diasaskan oleh Gardner (1983) yang menampilkan lapan kecerdasan iaitu linguistik, matematik logik, muzik, ruang, kinestetik, *interpersonal*, *intrapersonal* dan *naturalist*.

Tiga dari lapan kecerdasan iaitu muzik, ruang dan kinestetik merupakan elemen-elemen yang wujud dalam ciri-ciri *Dalcroze Eurhythmics* yang juga merupakan elemen utama dalam Pendekatan *Dalcroze Eurhythmics* (Mark, 1978).

Justeru, “muzik dengan gerakan” merupakan satu bidang yang penting dalam pendidikan muzik bagi perkembangan mental, pembesaran kanak-kanak serta ianya adalah asas proses pembelajaran peringkat awal kanak-kanak. Terdapat banyak penyelidikan berkaitan dengan kaedah tersebut dalam proses pengajaran di luar negara di antaranya kajian oleh Ruth (1995), Rose (1995), Daigneault (1993), Wium (1992), Johnson (1993), Dick (1996), Joseph (1982), Cambell (1997) dan Caldwell (1992). Namun demikian kajian-kajian yang berkaitan masih tidak diusahakan oleh penyelidik-penyelidik di dalam negara kita.

Oleh itu adalah dirasakan perlu satu penyelidikan dibuat untuk melihat sejauh manakah Pendekatan *Dalcroze Eurhythmics* ini dalam kontek pengajaran pembelajaran muzik di sekolah-sekolah rendah di Malaysia.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan muzik Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) membolehkan murid-murid mengambil bahagian dengan cergas dalam kegiatan nyanyian, pergerakan dan kumpulan instrumental. Muzik dapat mematangkan deria dengar, lihat dan rasa. Juga dapat mengenal

beraneka jenis irama dan melodi yang senang. Murid juga diharapkan dapat mengenal dan membaca not, lambang dan makna istilah muzik yang asas (Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah, Muzik, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1983).

Bagi mencapai objektif tersebut satu sukatan pendidikan muzik KBSR telah digubal dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1983. Sukatan tersebut dikemaskinikan pada tahun 1995. Sukatan ini digubal merangkumi pengalaman muzik yang sesuai dengan perkembangan murid sekolah rendah. Tumpuan pembelajaran adalah kepada kegiatan amali yang aktif dan menyeronokkan bagi memelihara minat, mengembangkan bakat dan meningkatkan kemahiran asas muzik (Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah, Pendidikan Muzik, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995). Secara keseluruhannya kandungan kurikulum disusun dalam tiga bidang kegiatan iaitu bidang nyanyian, bidang muzik dengan gerakan dan bidang permainan alat muzik.

Meneliti sukatan pendidikan muzik tahun 1995, "muzik dengan gerakan" adalah merupakan satu bidang muzik yang paling vital. Kepentingan muzik dengan gerakan terbukti apabila sukatan pendidikan muzik distruktur semula, di mana pendidikan muzik tahap II melibatkan bidang "muzik dengan gerakan". Pada mulanya sukatan muzik KBSR tahap II dibahagikan kepada empat bidang yang meliputi bidang nyanyian, permainan alat perkusi, rekoder dan teori. Apabila sukatan dikemaskinikan pada tahun 1995 pendidikan muzik tahap II hanya mengandungi tiga bidang iaitu nyanyian, muzik dengan

pergerakan serta permainan alat. Teori disekalikan dalam bidang permainan alat-alat muzik iaitu permainan alat pianika, rekoder serta perkusi (Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah, Pendidikan Muzik, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995). Ini menunjukkan yang “muzik dengan gerakan” diajar kepada Tahun 1 hingga Tahun 6 seperti yang digambarkan dalam jadual 1 dan 2.

Jadual 1 : Bidang dalam sukatan pendidikan muzik tahun 1983

Tahap 1	Nyanyian	Muzik dengan gerakan	Permainan alat gendering
Tahap 2	Nyanyian	Teori	Rekoder
			Permainan alat genderang

Jadual 2 : Bidang dalam sukatan pendidikan muzik tahun 1995

Tahap 1	Nyanyian	Muzik dengan gerakan	Permainan alat perkusi
Tahap 2	Nyanyian	Muzik dengan gerakan	Permainan alat muzik: (pianika, rekoder, perkusi)

Dalam bidang muzik dengan gerakan, aktiviti pergerakan diklasifikasikan kepada lima jenis pergerakan iaitu pergerakan mengikut lirik lagu, pergerakan asas dengan muzik, interpretasi muzik dengan pergerakan, pergerakan bebas dengan muzik dan pergerakan yang menunjukkan cerita atau tema. Manakala aktiviti-aktiviti muzik dengan gerakan berdasarkan kelima-lima jenis pergerakan tersebut adalah seperti mari bergerak, cara bergerak, bergerak secara muzikal

dan penerokaan muzik dengan gerakan. (Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah, Pendidikan Muzik, KPM, 1995).

Dari analisis sukatan, huraian sukatan dan program pendidikan muzik tahap 1 terdapat komponen-komponen *Dalcroze Eurhythmics*. Berdasarkan aktiviti-aktiviti dalam huraian sukatan pendidikan KBSR tersebut penyelidik mendapati bahawa komponen-komponen *Dalcroze Eurhythmics* iaitu *eurhythmics*, *solfege* dan improvisasi terdapat dalam bidang “muzik dengan gerakan” pendidikan muzik tahap satu seperti yang ditunjukkan pada jadual 3.

Jadual 3: Komponen *Dalcroze Eurhythmics* dalam bidang muzik dengan gerakan.

Huraian Muzik dengan gerakan	Komponen <i>Dalcroze Eurhythmics</i>
<ul style="list-style-type: none"> • Mari bergerak <p>Mendengar dan bergerak secara spontan mengikut lirik lagu. Mengaitkan perhubungan di antara sesuatu yang biasa didengar. (muzik bunyi-bunyian seperti bunyi haiwan, alam sekeliling & alam fantasi).</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Eurhythmics</i> <p>Pergerakan melibatkan seluruh tubuh badan.</p> <p>- gerakan asas seperti Berlari, Berjalan, Berjengket, Mengelongsur, Meloncat, Bergelop, Merangkak.</p> <p>Tepukan, Hayunan, Berpusing, <i>Conducting</i>, Membongkok, Bergoyang, Bercakap Menyanyi.</p> <p>Bergerak mengikut senikata lagu.</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Solfege</i> (S) <p>- Latihan mendengar</p> <p>Mengecam bunyi-bunyi di sekeliling, mengecam bunyi-bunyi alat-alat perkusi dan arah datangnya sesuatu bunyi dengan memejam</p>

<ul style="list-style-type: none"> • Cara bergerak – <p>Membuat gerakan untuk menunjukkan saiz, memenuhi ruang, mengikut arah, aras dan aliran. Bergerak secara spontan kepada pelbagai bunyi yang didengar.</p>	<p>mata.</p> <p>Mendengar dan mengecam bunyi dan mengaitkan dengan sesuatu yang biasa didengar.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Improvisasi (I) <p>Pergerakan kreatif .</p> <p>Membuat gerakan mengikut kreativiti individu berdasarkan kepada ciri-ciri pergerakan iaitu aras, arah dan aliran serta berasaskan kepada aktiviti <i>Eurhythmics</i> dan <i>Solfège</i>.</p>
---	---

<ul style="list-style-type: none"> • Bergerak secara muzikal <p>Mengecam dan membuat gerakan spontan mengikut rentak atau irama muzik, tempo, dinamik, warna ton dan bentuk.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Eurhythmics</i> <p>Pergerakan keseluruhan anggota badan</p> <ul style="list-style-type: none"> • berasaskan konsep muzik seperti membuat pergerakan mengikut tempo, dinamik, rentak dan irama.
---	--

<ul style="list-style-type: none"> • Meneroka dan mengenal muzik dengan gerakan - Membuat reaksi kepada muzik yang didengar secara melukis dan mengikut imaginasi. 	<p>Improvisasi (I)</p> <p>Pergerakan kreatif berasaskan</p> <ul style="list-style-type: none"> • pergerakan <i>Eurhythmics</i> dan <i>Solfège</i> dengan menggunakan tubuh badan dan suara. • Meneroka pergerakan mengikut muzik rakaman atau piano, alat perkusi:- dengan menggunakan alat-alat perkusi seperti drum, kerincing, kastenet, kayu tik tok dll.
---	---

Dengan ini terbukti bahawa sukatan pendidikan muzik khusus bagi bidang “muzik dengan gerakan” digubal berpandukan ciri-ciri pendekatan *Dalcroze Eurhythmics*. Pendidik-pendidik muzik yang dikaji diandaikan telah mempunyai pengetahuan tentang pendekatan ini melalui kursus yang dihadiri dan semasa dalam latihan perguruan asas. Walau bagaimana pun pelaksanaan kaedah Dalcroze ini masih menjadi tanda tanya kepada pengkaji. Adakah ianya dilaksanakan atau tidak? Adakah kaedah *Dalcroze Eurhythmics* ini dilaksanakan mengikut kefahaman guru muzik itu masing-masing?

Pelaksanaan kaedah ini penting kerana melalui pendekatan Dalcroze, semua objektif pendidikan muzik akan tercapai. Ini adalah kerana pendekatan *Dalcroze Eurhythmics* hampir meliputi semua bidang dalam pendidikan muzik Tahap I iaitu nyanyian, muzik dengan gerakan dan permainan alat. Bidang tersebut semuanya berkaitan dengan komponen pendekatan Dalcroze iaitu *Eurhythmics*, *Solfège* dan Improvisasi. *Eurhythmics* dilihat sebagai elemen berkaitan dengan pergerakan badan yang melibatkan deria dengar, lihat dan rasa. *Solfège* pula ada kaitan asas bagi nyanyian dan latihan pendengaran. Manakala improvisasi atau kreativiti pula melibatkan rekaan dan ciptaan seperti mencipta melodi mudah dengan permainan alat-alat muzik asas.

Matlamat kajian ini adalah untuk melihat samada kaedah pengajaran “muzik dengan gerakan” yang sedia ada ini dilaksanakan dengan sempurna. Adakah penumpuan hanya diberikan dalam bidang

nyanyian tanpa membuat perancangan dan penggunaan alat bantuan pengajaran seperti mana yang dilaporkan oleh Jemaah Nazir Persekutuan, 1993/94. Berasaskan penyeliaan yang dibuat oleh Jemaah Nazir Persekutuan keatas 235 orang pendidik muzik di 177 buah sekolah sepanjang 1993/94 mendapati bahawa sepanjang tahun 1993/94 status pelaksanaan pendidikan muzik KBSR masih belum sampai kepada tahap ekspektasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelaksanaan program muzik tahap I dan II tidak menyeluruh. Sebanyak 88% pendidik muzik hanya memberi tumpuan kepada aspek nyanyian sahaja. Walaupun tenaga pengajar mencukupi, pendidik muzik belum berkeyakinan dan masih belum mempunyai pengetahuan serta kemahiran mengajar muzik. Justeru itu pengajaran pembelajaran mereka kurang kreatif. Murid-murid didapati kurang diberi peluang untuk melahirkan kreativiti dan membina daya apresiasi. Pendidik muzik tidak mengambil kira kebolehan dan keperluan murid. Aktiviti-aktiviti pembelajaran tidak dipelbagaikan contohnya satu lagu dinyanyikan berulang-ulang kali (Laporan Jemaah Nazir Persekutuan, 1993/94). Berikutan dengan tinjauan yang telah dijalankan oleh Jemaah Nazir Persekutuan ini, pengkaji ingin melihat ciri-ciri kaedah yang terdapat dalam bidang "muzik dengan gerakan".

Hingga kini tiada sebarang kajian yang berkaitan dengan "muzik dengan gerakan" dijalankan. Oleh itu satu kajian perlu dibuat untuk melihat sejauh manakah ciri-ciri kaedah *Dalcroze Eurhythmics* dilaksanakan dalam pengajaran muzik dan gerakan di sekolah-sekolah mengikut teknik-teknik atau kaedah pengajaran seperti yang di

cadangkan dalam sukatan pelajaran agar matlamat pengajaran muzik tercapai.

1.3 TUJUAN KAJIAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk meninjau sama ada terdapat elemen-elemen pendekatan Dalcroze seperti *Eurhythmics*, *Solfège* dan Improvisasi dilaksanakan dalam pengajaran muzik dengan pergerakan di sekolah-sekolah rendah tahap satu di Malaysia. Elemen-elemen tersebut merupakan perkara yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran muzik. Dengan adanya penerapan elemen-elemen tersebut pelajar akan dapat menguasai kemahiran muzikal, kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, kecerdasan fizikal serta perkembangan intelektual iaitu kecerdasan emosi dan sosial.

Selain daripada itu penyelidikan ini juga bertujuan untuk melihat persepsi pendidik muzik terhadap pengajaran muzik dengan gerakan yang terdapat dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah masa kini.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menumpukan kepada persoalan-persoalan berikut:-

1.4.1 Sejauh manakah komponen-komponen kaedah Dalcroze *Eurhythmics* diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik Kurikulum Baru Sekolah Rendah tahap I.

1.4.2 Apakah persepsi pendidik muzik terhadap kaedah pengajaran “muzik dengan gerakan” melalui kaedah Dalcroze *Eurhythmics* ?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Daripada persoalan kajian yang dibina adalah diharapkan kajian ini akan dapat memberi sumbangan kepada pihak-pihak yang terbabit seperti;

1.5.1 Dapat membantu Pusat Perkembangan Kurikulum dalam membuat penilaian ke atas sukatan pelajaran muzik dari aspek penerapan kaedah Dalcroze.

1.5.2 Kajian ini diharap dapat membantu unit kurikulum , Bahagian Pendidikan Guru dalam menilai dan merangka pendekatan dan pengajaran muzik.

1.5.3 Kajian ini diharap akan dapat memberi panduan kepada pendidik muzik untuk mempertingkatkan penggunaan kaedah *Dalcroze*.

1.5.4 Dapatan kajian memberikan maklumat yang berguna kepada Pegawai Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dalam merancang dan

melaksanakan kursus-kursus yang berkaitan dengan kaedah *Dalcroze*.

1.5.5 Dapatan kajian ini diharap dapat membantu menambahkan khazanah tubuh ilmu pribumi muzik di Malaysia.

1.6 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini akan hanya dijalankan di 30 buah sekolah rendah kebangsaan di negeri Perak. Kajian ini akan dijalankan secara komprehensif dan mendalam dalam masa yang ditentukan. Dapatan yang diperolehi akan memberikan situasi sebenar apa yang berlaku dalam pelaksanaan sukatan muzik Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang hanya tertumpu kepada bidang muzik dengan pergerakan. Namun begitu dapatan kajian ini tidak dapat mewakili seluruh negara. Batasan - batasan yang terdapat pada kajian ini ialah :-

1.6.1 Hanya sekolah kebangsaan (SK dan SRJK(C) di Perak yang di kategorikan dalam gred A sahaja yang akan menjadi responden. Sekolah gred A adalah sekolah yang mempunyai bilangan pelajar yang melebihi dari 500 orang pelajar.

1.6.2 Sampel kajian ini adalah terhad kepada 30 orang pendidik muzik terlatih di negeri Perak. Pendidik muzik ini juga merupakan kakitangan sumber bagi matapelajaran muzik. Kakitangan sumber

adalah pendidik muzik yang telah dipilih oleh Jabatan Pendidikan Negeri sebagai kakitangan penting atau ketua bagi mata pelajaran muzik bagi setiap daerah di negeri tersebut. Pendidik muzik yang diperhati akan diberi soal-selidik dan ditemubual.

1.6.3 Kajian ini akan hanya memberi tumpuan kepada aspek pelaksanaan pengajaran muzik melalui kaedah *Dalcroze Eurythmics* dalam kelas KBSR tahap satu.

1.7 DEFINISI OPERASIONAL

1.7.1 Muzik

Bunyi-bunyian yang disusun untuk menghasilkan melodi dan bunyi yang sedap didengar.

1.7.2 Muzik Bunyi-bunyian

Muzik yang dihasilkan dari bunyi-bunyian alam sekeliling,

1.7.3 Pendidik Muzik

Individu yang mengajar muzik hanya setelah berpengetahuan dalam beberapa aspek pendidikan serta mempunyai kemahiran muzikal yang baik serta mempunyai kefahaman tentang pembentukan kurikulum, psikologi, pedagogi, sosiologi dan sejarah yang berkaitan dengan pendidikan muzik.

1.7.4 Guru Muzik

Individu yang hanya mempunyai kemahiran muzikal tertentu seperti kemahiran bermain piano. Guru muzik biasanya tidak boleh menjadi pendidik muzik tetapi pendidik muzik boleh menjadi guru muzik

1.7.5 Pendekatan

Satu cara mendekati sesuatu mata pelajaran diajar berdasarkan kepada objektif jangka panjang.

1.7.6 Kaedah

Suatu siri tindakan guru yang sistematik serta berturutan dan bertujuan mencapai objektif spesifik.

1.7.7 *Eurhythmics* (Euritmik)

Perlakuan/aksi individu yang boleh berlaku secara otomatis, spontan, terurus (melibatkan sedikit pemikiran), terancang (perancangan yang tersusun) melalui postur, gerak isyarat dan berbagai gerakan badan yang berdasarkan ritma. Sumber semua ritma muzik boleh didapati daripada ritma semulajadi tubuh badan manusia.

1.7.8 *Solfège*

Solfège adalah merupakan latihan vokal dengan menggunakan notasi-notasi yang berdasarkan kepada nama-nama solfa (doh, re, mi, etc.)

1.7.9 Pendengaran Dalaman (*inner hearing*)

Satu jenis latihan pendengaran dalam aktiviti *solfège*. Pendengaran dalaman melibatkan kemahiran mendengar atau dikatakan sebagai memikirkan sesuatu unsur muzik seperti melodi, irama di dalam mental.

1.7.10 Improvisasi

Dalam pendekatan *Dalcroze* improvisasi merupakan kreativiti misalnya menghasilkan ciptaan sendiri yang kreatif berdasarkan kepada gerak-kerja asas.

1.7.11 Kinestetik

Penggunaan "Bahasa badan" bagi melahirkan perasaan dalaman. Contoh : kedua belah tangan di belakang menunjukkan yakin pada diri. Bernafas pendek menggambarkan putus asa.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Bidang pendidikan di Malaysia telah melalui pelbagai perkembangan dan kemajuan yang dapat dimanfaatkan oleh setiap individu serta memberi erti kepada kehidupan individu tersebut. Kurikulum sekolah sekarang ini mementingkan perkembangan murid yang sempurna dari segi rohani, jasmani, akal dan emosi bertujuan untuk menyemai nilai-nilai akhlak yang mulia dan melahirkan individu yang serba boleh. Bagi memenuhi aspek-aspek ini mata pelajaran muzik telah diwajibkan dalam kurikulum baru sekolah rendah. Pendidikan muzik (KBSR) meliputi tiga bidang iaitu nyanyian, muzik dengan pergerakan dan permainan alat. Muzik dengan pergerakan adalah bidang utama yang akan menjadi fokus kajian ini. Daripada penelitian yang dibuat ke atas huraian sukatan pendidikan muzik KBSR 1995 bidang muzik dengan pergerakan digubal berdasarkan falsafah dan teori pergerakan Dalcroze yang dikenali dengan *Dalcroze Eurhythmics*.

Berikut adalah sorotan bacaan dan kajian-kajian yang berfokus kepada kajian yang telah dijalankan.

2.2 KEPENTINGAN MUZIK DALAM PENDIDIKAN

Muzik merupakan sebahagian daripada alam kehidupan kanak-kanak dan budaya masyarakat keseluruhannnya. Muzik merupakan

suatu pengalaman sosial bagi kanak-kanak apabila mereka peka kepada muzik semasa di dalam rahim ibu lagi. Muzik yang laju mengilustrasikan denyutan jantung yang kuat dan muzik yang relax mengilustrasikan denyutan jantung yang tenang atau perlahan. Selepas kelahiran kanak-kanak mula didedah kepada muzik dan *lullaby* seperti ibu menyanyikan lagu untuk mendodoi anak-anak (Peery, 1987).

Kegiatan muzik mula berkembang di dalam kehidupan sesuatu keluarga melalui media, amalan keagamaan, kurikulum sekolah semasa bermain dan berekreasi. Muzik juga adalah satu keperluan asas bagi manusia (Mead, 1986). Kanak-kanak memberi respon secara natural terhadap bunyi muzik dan mereka berasa senang melahirkan perasaan dan ekspresi diri melalui muzik. Elemen muzik seperti irama dan ton terdapat dalam amalan pertuturan serta interaksi seharian. Apabila menjangkau lima tahun kanak-kanak sudah mula belajar lirik lagu, ritma, konter melodi dan akhirnya jeda (Johami Abdullah, 1993). Jeda muzik yang paling lazim di kalangan kanak-kanak mengikut *Kodaly* adalah jeda minor ketiga menurun seperti *so* dan *mi*. Secara semula jadi kanak-kanak menggunakan jeda tersebut untuk mencipta lagu semasa bersendirian atau untuk melodi mengejek sewaktu bermain (Sinor, 1986).

Kodaly seperti juga Suzuki berpendapat bahawa kanak-kanak harus didedahkan kepada muzik pada peringkat awal lagi iaitu semenjak sembilan bulan sebelum bayi itu dilahirkan (Kroon, 1987). Penglibatan kanak-kanak secara aktif dalam aktiviti muzik akan

menggalakkan perkembangan kecerdasan mental, selain membantu perkembangan psikomotor dan nilai sosialisasi. Muzik juga merupakan Bahasa yang universal dan sebahagian dari identiti budaya sesuatu masyarakat (Nye, 1970).

Muzik dapat mengimbangkan penggunaan kedua-dua bahagian otak. Otak kiri melibatkan aktiviti bercorak akademik yang berkait rapat dengan perkataan, logik, nombor, susunan, senarai, rangkaian dan analisis. Manakala otak kanan berada dalam keadaan rehat. Otak kanan terlibat dengan aktiviti yang berkaitan dengan irama, imaginasi, warna, khayalan, kedudukan ruang, corak dan dimensi. Dalam proses pembelajaran, penggunaan kedua-dua bahagian otak perlu diseimbangkan untuk mempertingkatkan potensi ke arah mencapai kecemerlangan (Noraini Ahmad, 1993).

Dari satu penyelidikan yang terdahulu tentang penggunaan otak, pada awalnya mengatakan otak kanan menguasai kreativiti dan otak kanan dikuasai oleh otak kiri. Kemudiannya dikatakan ini tidak betul. Penyelidikan yang terkemudian melaporkan, semasa kedua bahagian otak menjalankan fungsi yang berlainan, kedua-duanya terlibat dalam pembelajaran muzik dan seni (Nye 1970).

Mengikut Gardner (1983) muzikal adalah salah satu daripada lapan jenis kecerdasan. Gardner mengatakan bahawa keupayaan muzikal, sikap, bakat dari segi psikologi dan perbezaan personaliti tidak boleh dikesan dengan menggunakan *standard intelligence test*.